



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 2 JULAI 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	225 BUBU NAGA DIRAMPAS SEPANJANG PKP 3.0, NASIONAL, BH -19	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
2. 3. 4. 5. 6. 7.	NELAYAN PERAIRAN MELAKA LEGA, DALAM NEGERI, UM -24 PENTERNAK JUAL TERNAKAN ELAK DIBAHAM HARIMAU, DALAM NEGERI, UM -8 HANYA 10 PETUGAS KORBAN, AKIKAH DIBERNAR SATU SESI, NEGERI KELANTAN/TERENGGANU, SH -29 AKTIVITI NELAYAN TIDAK TERJEJAS, NASIONAL, SH -11 KULIT LEMBU ADA PEMINAT TERSENDIRI, GAYA TANI, UM -17 KULIT LEMBU SEDAP DIMASAK GULAI LEMAK CILI API, GAYA TANI, UM -18	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/7/2021	BERITA HARIAN	NASIONAL	19

225 bubu naga dirampas sepanjang PKP 3.0.

Alor Setar: Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Zon Maritim Kuala Kedah merampas 225 set bubu kambang atau bubu naga dalam Op Aman yang dijalankan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 di sini.

Pengarah Zon Maritim Kuala Kedah, Komander Maritim Noor Azreyanti Ishak, berkata hasil pemantauan selama sebulan mendapati, berlaku peningkatan aktiviti penggunaan bubu naga di sepanjang

perairan Kuala Kedah dan Yan.

Beliau berkata, penggunaan bubu naga dilihat menjadi solusi kepada mereka yang tidak bertanggungjawab berikutan, modal sedikit dan mampu meraih keuntungan besar.

"Penggunaan bubu naga ini didapati mengancam dan boleh merosakkan ekosistem marin serta menjejaskan sumber pendapatan nelayan tradisional atau pesisir pantai.

"Sepanjang operasi pemantauan

dilakukan, beberapa lokasi baharu turut dikenal pasti melalui peneemuan pancang penanda yang dipasang pada setiap bubu naga berukuran kira-kira 10 meter panjang di beberapa lokasi berbeza sepanjang perairan," katanya dalam kenyataan semalam.

Beliau berkata, semua bubu dianggarkan bernilai RM25,000 itu dirampas dan dibawa ke Jeti Zon Maritim Kuala Kedah untuk di-siasat mengikut Seksyen 11(3)(c) Akta Perikanan 1985.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/7/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	24



ZULKIFLI RASHID



ZULKIFLI ABDUL RAZAK

Nelayan perairan Melaka lega

MELAKA: Golongan nelayan negeri ini menyambut baik keputusan Jabatan Laut yang bersetuju dengan cadangan kerajaan negeri mewujudkan zon nelayan dan zon kapal di perairan sekitar negeri ini.

Mereka sudah lama menantikan khabar gembira itu bersah sehingga menutup lautan menangkap ikan 300 nelayan dari Pantai Puteri hingga Klebang.

Seorang nelayan dari pengkalan Kampung Hailam, **Zolkifli Rashid**, 48, berkata, keputusan berkenaan cukup melegakan hatinya dan rakan-rakan.

"Masalah ini sudah lama kita hadapi dan harap ia tidak sekarang dan janji sahaja," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia*.

Pengarah Wilayah Tenggara, Baharuddin Zakaria berkata, langkah yang dicadangkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Penternakan, Pembangunan

Usahawan dan Koperasi negeri, Datuk Norhizam Hassan Baktee itu dilihat amat tepat.

Dalam pada itu, seorang lagi nelayan, **Zulkifli Abdul Razak**, 42, bersyukur kerana masalah lebih 10 tahun terbabit bakal berakhir tidak lama lagi.

"Kami sudah berdepan masalah ini sejak 10 tahun lalu, kini saya lihat ada sinar buat kami mempunyai zon untuk menangkap ikan tanpa ada konflik," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/7/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	8

Penternak jual ternakan elak dibaham harimau

Oleh NIK NUR IZZATUL
HAZWANI NIK ADNAN
utusannews@mediamulia.com.my

DUNGUN: Seorang penternak di Felda Kertih 4 di Ketengah Jaya, di sini terpaksa menjual kesemua 10 lembu miliknya beberapa bulan lalu berikutan buntu dengan kejadian serangan harimau yang tidak berkesudahan.

Zahari Ali, 60, sudah berputus asa untuk meneruskan aktiviti penternakan yang diusahakan sejak 2015 itu selepas lima ternakannya yang berusia antara tujuh bulan hingga dua tahun mati dibaham 'Pak Belang' dalam tempoh cuma sebulan.

Katanya, kejadian menimpa ternakannya itu berlaku ketika dia selesai membina pagar baharu di kandang.

"Pada awalnya saya masih boleh bersabar, tetapi selepas seekor demi seekor lembu mati bergelimpangan, hati saya kecewa.

"Saya terus mengambil keputusan menjual kesemua 10 lembu yang ada kerana tidak sanggup terus berputih mata menanggung kerugian besar," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia*, semalam.

Zahari berkata, sebelum ini sudah beberapa kali ternakan mereka diserang harimau, na-



KESAN tapak kaki harimau yang dikesan sebelum ini di Felda Kertih 4 di Dungun.

mun, kekerapannya tidak seperti sekarang hingga menyebabkan rata-rata penternak kerugian lebih RM5,000 seorang.

Malah, katanya, dia pernah mendengar bunyi ngauman harimau ketika di ladang berikutan berhampiran hutan.

"Memang rasa takut apabila mendengar harimau mengaum kerana suasana di ladang biasanya sunyi terutama dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini," katanya.

Seorang peneroka, Mohd. Sidek Muda, 70, pula lega dengan tindakan proaktif pihak berkuasa mengadakan kawalan ketat dan rondaan di sekitar ladang sejak minggu lalu bagi memastikan keselamatan peneroka dan penternak terjaga.

"Sebelum ini, saya ke ladang seorang diri untuk memantau pekerja dengan aktiviti keluar masuk yang sukar diketahui kerana tiada liputan telekomunikasi.



ZAHARI ALI



MOHD.SIDEK MUDA

"Jadi, apabila ada kawalan di pintu masuk ladang dengan membuat pendaftaran, maka secara tidak langsung memudahkan pencarian sekiranya berlaku sebarang masalah di ladang.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/7/2021	SINAR HARIAN	NEGERI TERENGGANU/ KELANTAN	29

Hanya 10 petugas korban, akikah dibenarkan satu sesi

KUALA TERENGGANU - Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) hanya membenarkan tidak melebihi 10 petugas bagi setiap sesi pelaksanaan ibadah korban dan akikah 1442H/2021M di negeri ini sepanjang tempoh Fasa 1 Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Yang Dipertuanya, Datuk Osman Muda berkata, bagi jumlah korban pula dihadkan kepada lima ekor haiwan sehari di sesuatu kawasan kecuali di rumah penyembelihan yang dibenarkan.

“Pelaksanaan ibadah korban dan akikah dibenarkan dan boleh dilakukan sama ada di Rumah Penyembelihan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Terengganu dan Rumah Penyembelihan Ruminan swasta yang dilesenkan oleh DVS, pekarangan masjid atau surau dan di kawasan lapang seperti padang tetapi perlu mendapat kebenaran Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT).

“JHEAT akan mengeluarkan garis panduan dan prosedur operasi standard (SOP) pelaksanaan ibadah korban yang lengkap untuk dijadikan rujukan semua pihak,” katanya dalam satu kenyataan media pada Khamis.

Selain itu, Osman berkata, solat Jumaat dan solat sunat Aidiladha di masjid dan surau dibenarkan dengan bilangan jemaah 40 orang tidak termasuk pegawai dan ahli jawatankuasa masjid atau surau.

“Bagaimanapun kehadiran jemaah hanya dibenarkan kepada lelaki sahaja.

“Bagi solat fardu berjemaah di masjid dan surau, hanya dibenarkan kepada ahli qariah yang bermastautin dan warganegara sahaja kecuali mana-mana individu yang diberi kebenaran khas oleh Pesuruhjaya JHEAT,” katanya.

Osman turut menegaskan ibadah korban, solat Jumaat, solat sunat Aidiladha tidak dibenar diadakan di kawasan yang menjalani Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

Aktiviti nelayan tidak terjejas

Nelayan masih boleh teruskan aktiviti semasa kerja tambakan.

Aktiviti penangkapan ikan tidak akan terhalang akibat pelaksanaan projek Penang South Islands (PSI), jelas beberapa orang nelayan veteran dari kawasan selatan Pulau Pinang.

Mereka turut bersetuju dengan kenyataan Ketua Menteri Pulau Pinang, Chow Kon Yeow baru-baru ini yang memberi jaminan bahawa nelayan tetap boleh meneruskan aktiviti penangkapan ikan semasa penambakan PSI berjalan.

Nelayan-nelayan juga menyuarakan sokongan terhadap projek kerana percaya pembangunan PSI akan membawa manfaat kepada generasi muda.

Nelayan Teluk Kumbar, Idris Ismail, 66, berkata, pelaksanaan PSI yang bermula dengan satu pulau tidak akan menghalang perjalanan bot nelayan ke laut.

"Mereka bukan hendak tambak sehingga ke Perak. Jika mereka tambak di sini (Teluk Kumbar), kami masih boleh ke kiri atau kanan untuk keluar ke laut. Kami masih boleh bekerja," katanya yang mula menjadi nelayan sejak usia remaja.

Difahamkan, penambakan PSI akan bermula dengan Pulau B di hadapan pesisir pantai Teluk Kumbar.

Pemilik projek, iaitu Kerajaan Negeri Pulau Pinang sedang memohon kelulusan Pelan Pengurusan Alam Sekitar (EMP) daripada Jabatan Alam Sekitar



Kawasan yang luas tidak akan mengganggu aktiviti nelayan di laut.

untuk membolehkannya meneruskan kerja penambakan.

Kawasan luas

Idris yang menyokong pelaksanaan PSI kerana berharap projek itu akan mewujudkan peluang pekerjaan yang lebih baik kepada anak tempatan juga menolak dakwaan sesetengah pihak bahawa nelayan tidak akan dapat menangkap ikan lagi sebaik penambakan bermula.

"Menurutnya, tapak PSI bukan satu-satunya tempat menangkap ikan bagi nelayan tempatan.

"Kita biasanya pergi lebih jauh dari kawasan ini (tapak PSI)," katanya.

Kawasan penangkapan ikan bagi nelayan pesisir pantai yang dikategorikan sebagai Zon A adalah sehingga 8 batu nautika (14.8km) dari pantai. Namun, nelayan pesisir pantai dibenarkan menangkap ikan di luar kawasan Zon A.

Seorang nelayan dari Sungai Batu, Rashid Ahmad, 68, juga bersetuju bahawa nelayan masih mempunyai kawasan yang luas untuk menangkap ikan semasa penambakan PSI.

Katanya, dakwaan nelayan bahawa mereka tidak boleh mencari makan lagi akibat projek pembinaan di kawasan laut bukan sesuatu yang baru kerana dakwaan yang sama pernah digunakan semasa pembinaan Jambatan Kedua Pulau Pinang.

"Pada masa itu, ada yang mendakwa mereka tidak boleh ke laut, tidak boleh menangkap ikan lagi, tetapi itu tak benar.

"Sekarang, kawasan jambatan kedua sudah menjadi lubuk. Ramai yang ke situ untuk menangkap ikan," katanya.

Seperti Idris, Rashid juga menyokong projek kerana percaya pelaksanaan PSI akan mendatangkan lebih banyak peluang baru untuk manfaat generasi akan datang.

Dia menguak menghadapi kesukaran untuk menjelaskan kepada nelayan lain yang membantah projek berkenaan.

"Adakah mereka ingat penambakan ini akan sampai ke Indonesia? Mereka yang membantah ini bercakap perlu mempertahankan periuk nasi. Tapi kalau ditanya sama ada mereka mahu anak mereka juga menjadi nelayan, mereka tidak mahu pula," katanya.

Seorang lagi nelayan dari selatan Pulau Pinang, Fajinah Jaafar, 60, berkata kesan projek pembinaan terhadap persekitaran laut tidak akan kekal buat selamanya.

Dia juga menceritakan pengalaman semasa pembinaan Jambatan Kedua Pulau Pinang yang mengambil masa lebih lima tahun sebelum siap pada tahun 2014.

"Kesannya adalah sementara. Ikan akan kembali, bukan hilang selama-lamanya. Pada hari ini, nelayan dapat tangkap udang

dengan banyak di kawasan jambatan kedua," katanya.

Fajinah berkata, tidak ada sebab untuk membantah pelaksanaan PSI yang akan membawa kemajuan kepada negeri dari mewujudkan pekerjaan bagi golongan anak muda.

"Sudah lebih 30 tahun saya menangkap ikan. Pada saya, pekerjaan nelayan ini bukannya tidak bagus tapi ia membolehkan kita hidup sahaja, tak boleh pergi lebih jauh.

"Demikian kebaikan anak-anak dan generasi akan datang, kita perlukan pembangunan," katanya.

Beri manfaat

Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman yang juga Pengerusi Jawatankuasa Taskforce Nelayan menegaskan bahawa kepentingan komuniti nelayan selatan Pulau Pinang akan dijaga melalui pelaksanaan Pelan Pengurusan Impak Sosial (SIMP) dan peluang-peluang ekonomi yang bakal diwujudkan daripada pembangunan tersebut.

Katanya, perancangan telah dibuat dari awal untuk memastikan nelayan boleh meneruskan pekerjaan mereka semasa dan selepas penambakan, seperti penyediaan saluran navigasi seluas 250m yang akan membolehkan nelayan ke laut bila-bila masa tanpa mengira air pasang atau surut.

"Penambakan PSI akan bermula dengan sebuah pulau yang akan mengambil masa 20 tahun. Dalam tempoh ini, laluan nelayan untuk ke laut tidak akan terhalang.

"Nelayan juga tetap ada kawasan penangkapan ikan yang lebih luas daripada tapak PSI," katanya.

Menurutnya, kerajaan negeri sedang membuat persediaan membeli bot dan enjin untuk tekong dari unit nelayan Permatang Tepi Laut, Sungai Batu, Teluk Kumbar dan Gertak Sanggul bagi membolehkan mereka bergerak lebih cepat dan lebih jauh.

Pemberian di bawah SIMP ini juga menawarkan pemberian sagu hati dan pembinaan sebuah jeti serba guna untuk kemudahan pelancongan di Permatang Damar Laut serta tiga jeti nelayan yang lengkap di Sungai Batu,

Teluk Kumbar dan Gertak Sanggul.

Selain itu, SIMP juga menawarkan skim latihan dan pendidikan seperti biasiswa dan tuisyen percuma untuk nelayan dan anak-anak mereka, peluang pekerjaan dan pekerjaan serta skim pemilikan perumahan.

Pakej bantuan hidup dan pemerikasaan di bawah SIMP kecuali pemberian bot dan enjin juga memanfaatkan nelayan dari unit nelayan Seri Jerjak, Batu Maung, Teluk Tempoyak, Pulau Betong dan Kuala Sungai Burung.

Katanya, penanaman bakau juga akan dilaksanakan di PSI dan kawasan lain di Pulau Pinang untuk menggalakkan kepelbagaian biologi dan mewujudkan kawasan perlindungan untuk organisma kecil dan anak ikan.



IDRIS



RASHID



FAJINAH



Ahmad Zakiyuddin beri jaminan kepentingan komuniti nelayan selatan Pulau Pinang jadi keutamaan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/7/2021	UTUSAN MALAYSIA	GAYA	17



PROSES menjemur perlu dilakukan dengan teliti bagi memastikan keseluruhan kulit cepat kering.
- UTUSAN/ABDUL RAZAK IDRIS

Kulit lembu ada peminat tersendiri



PRODUK kulit lembu dibungkus dan sedia untuk dipasarkan.

Oleh **ABDUL RAZAK IDRIS**
gzyutusan@medemua.com.my

APABILA disebut kulit lembu pasti ramai yang terkejut dan tercengang bila dikatakan bahagian terbesar di tubuh haiwan ruminan tersebut boleh dijadikan makanan yang lazat.

Namun proses menjadikan kulit lembu sebagai makanan

bukanlah semudah ABC kerana beberapa proses yang perlu disempurnakan.

Menurut pemilik syarikat Azmi Ijok Farm, Azmi Mohd. Toha, 54, dari Batu 8 Ijok, Selangor, proses menjadikan kulit lembu sebagai makanan memerlukan beberapa langkah tertentu yang mengambil masa tiga hari.

"Langkah pertama, kulit lembu yang dikumpul dari ladang ternakan ini akan saya potong-potong sebelum dijemur sehingga kering.

"Proses mengeringkan kulit lembu perlu dilakukan

secara tersusun supaya semua kulit tersebut bebas daripada sebarang kotoran," katanya.

Azmi yang mengusahakan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) sejak lebih 10 tahun lalu berkata, kesemua kulit lembu yang dikeringkan itu akan dibakar untuk membunuh kuman yang masih ada.

Katanya, proses membakar perlu dilakukan secara menyeluruh bagi menjamin kualiti kebersihan kulit lembu tersebut.

"Proses membakar kulit lembu boleh memakan masa empat hingga lima jam

melibatkan 50 hingga 100 kilogram (kg).

"Bila kita membakar perlu fokus, supaya kulit lembu yang dibakar tidak rentung hingga hilang rasanya," katanya.

Azmi yang juga penternak lembu dan kambing berkata, selepas proses membakar kulit lembu beliau dibantu isteri, Mashitah Mohd. Aribi, 55, dan beberapa pekerja akan mengikis kulit lembu untuk membersihkan kesan pembakaran.

Berambung di muka 18

Dari muka 17

Katanya, selepas dikikis kulit tersebut proses seterusnya adalah merendam air dalam besen besar.

"Ini bagi membersihkan kulit lembu atau belulang secara menyeluruh.

"Boleh dikatakan semua proses bermula dari menjemur, membakar kulit lembu, mengikis dan merendam dilakukan dengan tujuan untuk membersihkannya secara total," katanya.

Azmi memberitahu, kesemua kulit lembu yang sudah kembang dan menebal akan direbus dan diracik dalam bentuk kiub oleh pekerja sebelum dibungkus dalam paket 500 gram dan 1kg.


Katanya, kulit lembu yang sudah dibungkus akan disimpan dalam peti sejuk beku sebelum dipasarkan.

Mengulas mengenai kaedah pemasaran, Azmi berkata, buat masa ini tiada restoran khusus yang membuat pesanan harian mahupun bulanan.

"Kebanyakan yang membeli adalah pelanggan setia dari sekitar Kuala Selangor yang terus datang ke rumah saya.

"Selepas ada perkhidmatan grab makanan kebanyakan yang datang membeli, memesan melalui perkhidmatan tersebut," katanya.

Harga borong kulit lembu tersebut adalah sekitar RM18 hingga RM20 bagi 1kg dan harga jualan runcit boleh mencecah RM37 bergantung kepada lokasi dan siapa yang membeli.



KULIT lembu dijemur bagi memastikan ia benar-benar kering.



KULIT lembu siap dipotong berbentuk kiub dan dimasukkan dalam peti sejuk beku.

Azmi tidak menyangka usaha secara sambilan yang beliau dan isterinya jalankan itu mampu menghasilkan jualan yang memberangsangkan. "Dulu kulit lembu yang ada hasil proses sembelihan dibuang begitu sahaja. Selepas saya memprosesnya tidak sangka usaha saya kini diiktiraf pihak

berkuasa seperti Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) dan agensi pertanian yang lain.

"Lebih-lebih lagi di kawasan Kuala Selangor dan Tanjung Karang termasuk saya cuma ada tiga hingga empat pengusaha sahaja," katanya.

Mereka yang ingin menyediakan hidangan unik kulit lembu boleh menghubungi Azmi di 012-2793719 atau datang ke rumahnya di Azmi Ijok Farm, Lot 283 Jalan Pakat 1, Rizab Batu 8 Ijok 45600 Bestari Jaya.

PROSES membakar bagi membunuh kuman dilakukan.

Kulit lembu sedap dimasak gulai lemak cili api

SEEKOR lembu kata orang semuanya boleh dimakan kecuali tanduk dan tapak kakinya sahaja. Dagingnya boleh dimasak rendang, daging dendeng dan masak lemak.

Begitu juga organ seperti peparu, limpa, perut yang boleh dimasak mengikut selera masing-masing.

Menurut isteri kepada pengusaha kulit lembu, Azmi Mohd.Toha iaitu Mashitah Mohd.Aribi, kulit lembu paling popular dimasak gulai lemak cili api.

"Kebiasaan peminat masakan gulai lemak cili api

akan membeli kulit lembu yang sudah siap diproses untuk sedia dimasak, ini jika ada jamuan khas.

"Misalnya bila keluarga berkumpul hujung minggu seperti bulan Ramadan atau ada majlis seperti doa selamat mahupun kenduri kahwin," katanya.

Jelas Mashitah, selain masak lemak cili api, kulit lembu juga sedap dimasak secara goreng dengan cili kering.

Katanya kulit lembu boleh dianggap seperti sotong darat kerana tekstur dan rupa fizikalnya.

"Boleh dikatakan ada yang menganggap kulit lembu adalah sotong jika pertama kali memakannya.

"Apa yang penting kita telah menghasilkan kulit lembu yang bersih dan terhindar daripada kuman dan kotoran," katanya.

Beliau menambah, ada kalangan pelanggannya yang menghasilkan sup dari kulit lembu dan ternyata rasanya juga sedap.

Paling penting, jelasnya lagi, tepuk dada tanya selera kerana setiap orang lain cita rasanya.



LAUK kulit lembu kering masak lemak putih.



GULAI lemak cili api kulit lembu yang enak.